



NAMA KEJOHANAN

Nama Kejohanan : **Revos Archery Championship 2025 Series 2**

TARIKH-TARIKH PENTING

Tarikh mula pendaftaran MAREOS	:	09 APRIL 2025
Tarikh akhir pendaftaran MAREOS	:	04 MEI 2025
Tarikh akhir bayaran	:	04 MEI 2025
Mesyuarat Pengurus Pasukan	:	09 MEI 2025
Tarikh kejohanan	:	09 HINGGA 11 MEI 2025

VENUE PERTANDINGAN

Tempat pertandingan : **Padang SK Raub Indah, Raub, Pahang.**

Alamat pertandingan : **Padang SK Raub Indah, Jalan Bentong,
27600 Raub, Pahang.**

OBJEKTIF & MATLAMAT

1. Membuka salah satu platform kejohanan di peringkat negeri untuk atlet memanah Negeri Pahang.
2. Memberi pendedahan dan persaingan kepada semua atlet memanah Negeri Pahang dalam kejohanan memanah di peringkat negeri.
3. Menentukan ranking pemanah di dalam Negeri Pahang mengikut kategori.
4. Mencari atlet memanah Negeri Pahang yang berkualiti untuk diterapkan dalam pasukan utama bagi Pasukan Memanah Sukma Pahang bagi mempersiapkan atlet yang akan mewakili Negeri Pahang ke Temasya Sukma 2026, Selangor.
5. Mencari atlet memanah Negeri Pahang yang berkualiti untuk diterapkan dalam pasukan utama bagi kejohanan-kejohanan kebangsaan.
6. Mencari atlet negeri dan pelapis (talent scouting) bagi Program Negeri dan Pelapis Memanah Negeri Pahang.
7. Menjadikan kejohanan memanah ini sebagai suatu program tahunan dalam membangunkan dan mengembangkan sukan memanah di dalam Negeri Pahang ini.

PENDAFTARAN

Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) hendaklah didaftarkan melalui Malaysia Archery Results & Entry Online System (MAREOS). Tiada pendaftaran secara manual yang diterima.

Peserta perlu daftar masuk di MAREOS melalui <https://mareos.masarchery.org/> dengan menggunakan alamat email dan kata laluan yang telah ditetapkan oleh NAAM. Selepas daftar masuk, pilih kejohanan yang ingin didaftarkan.

REVOS ARCHERY CHAMPIONSHIP 2025 SERIES 2

Hubungi pihak NAAM (honsecretary@masarchery.org) jika ada sebarang pertanyaan ataupun memerlukan bantuan mengenai MAREOS. Untuk pertanyaan selain daripada MAREOS sila hubungi pihak penganjur.

KATEGORI

Kategori bagi kejohanan ini adalah seperti berikut :

1. Recurve Lelaki bawah 20 tahun (umur dari 16 hingga 20 tahun) - **RM**
2. Recurve Wanita bawah 20 tahun (umur dari 16 hingga 20 tahun) - **RW**
3. Compound Lelaki Bawah 20 tahun (umur dari 13 hingga 20 tahun) - **CM**
4. Compound Wanita Bawah 20 tahun (umur dari 13 hingga 20 tahun) - **CW**
5. Recurve Lelaki bawah 15 tahun (umur dari 13 hingga 15 tahun) - **RM15**
6. Recurve Wanita bawah 15 tahun (umur dari 13 hingga 15 tahun) - **RW15**
7. Recurve Lelaki Bawah 12 tahun (umur dari 10 hingga 12 tahun) - **RB12**
8. Recurve Wanita Bawah 12 tahun (umur dari 10 hingga 12 tahun) - **RG12**

PENYERTAAN

Penyertaan bagi kejohanan ini adalah terbuka kepada atlet memanah Negeri Pahang. Hanya atlet bernombor kad pengenalan Pahang (06, 32, 33) dan bermastautin di negeri Pahang mengikut pendaftaran dalam MAREOS sahaja dibenarkan mendaftar. Setiap peserta haruslah didaftarkan atas nama pasukan daerah masing-masing. Selain daripada pasukan daerah atau negeri, pasukan projek khas MSP/PMNP sahaja akan dibenarkan masuk (jika ada).

Pendaftaran lewat (selepas tarikh tutup) atau pertukaran (selepas tarikh tutup) akan dikenakan denda mengikut kadar yang telah ditetapkan dan penganjur mempunyai hak untuk tidak menerima.

WANG KOMITMEN

Wang Komitmen adalah seperti berikut :

Atlet	:	RM30.00/orang
Pegawai (Pengurus / Jurulatih)	:	RM10.00/orang

Kadar denda / penalti pendaftaran lewat / pertukaran selepas tarikh tutup adalah sebanyak RM 30.00/orang.

Segala kos penginapan, pengangkutan serta makanan peserta adalah tanggungan sendiri.

PERATURAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, kejohanan ini akan dijalankan mengikut undang-undang World Archery dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.

Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang World Archery yang terkini akan dipatuhi.

Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada Peraturan Kejohanan Memanah Kebangsaan.

Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang World Archery dan Kejohanan Memanah Kebangsaan.

Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan adalah muktamad.

Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja).

Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.

Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengurus Pertandingan dalam masa 15 minit selepas keputusan diumumkan.

Jarak yang akan dipertandingan adalah :

Recurve bawah 20 tahun	: 70m x 2
Compound bawah 20 tahun	: 50m x 2
Individual Recurve bawah 20 tahun	: 70m
Individual Compound bawah 20 tahun	: 50m
Recurve bawah 15 tahun	: 50m x 2 & 30m x 2
Recurve bawah 12 tahun	: 30m x 2 & 20m x 2

Target Face yang akan diguna pakai :

Recurve bawah 20 tahun	: Outdoor 122cm Face Full Rings (1 – X)
Compound bawah 20 tahun	: Outdoor 80cm Face 6 Rings (5 – X)
Recurve bawah 15 tahun	: Outdoor 80cm Face 6 Rings (5 – X)
Recurve bawah 12 tahun	: Outdoor 80cm Face 6 Rings (5 – X)

HADIAH

Hadiah berupa **Pingat & Sijil**.

Pingat akan disediakan seperti berikut :

BIL	ACARA	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1	Keseluruhan Recurve Lelaki Bawah 20 tahun	1	1	1	3
2	Keseluruhan Recurve Wanita Bawah 20 tahun	1	1	1	3
3	Keseluruhan Compound Lelaki Bawah 20 tahun	1	1	1	3
4	Keseluruhan Compound Wanita Bawah 20 tahun	1	1	1	3
5	Individu Recurve Lelaki Bawah 20 tahun	1	1	1	3
6	Individu Recurve Wanita Bawah 20 tahun	1	1	1	3
7	Individu Compound Lelaki Bawah 20 tahun	1	1	1	3
8	Individu Compound Wanita Bawah 20 tahun	1	1	1	3
9	Keseluruhan Recurve Lelaki Bawah 15 tahun	1	1	1	3
10	Keseluruhan Recurve Wanita Bawah 15 tahun	1	1	1	3
11	Keseluruhan Recurve Lelaki Bawah 12 tahun	1	1	1	3
12	Keseluruhan Recurve Wanita Bawah 12 tahun	1	1	1	3
JUMLAH		12	12	12	36

GANTI RUGI

Majlis Sukan Pahang dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuklah perjalanan dari rumah / tempat kejohanan / rumah.

Hubungi Penganjur

1. En. Mohd Fazli Bin Edrus **+6010-900 5302**
2. En. Mukhriz Bin Mohamed **+6013-352 5586**
3. En. Mohd Rizaini Bin Pandak Mohd **+6019-927 9486**
4. Pn. Nor Hazliza Binti Mohd Norfizi **+6019-927 9086**
5. En. Muhammad Aman Bin Mohammad Zahir **+6012-982 6768**

TENTATIF

KEJOHANAN REVOS ARCHERY CHAMPIONSHIP 2025 SIRI 2

09 MEI 2025 (JUMAAT)		
Pusingan Kelayakan : Recurve & Compound Bawah 20 Tahun		
14:30-15:00	00:30	Pendaftaran & Pemeriksaan Peralatan
15:00-15:30	00:30	Recurve & Compound Warmup
15:30-16:45	01:15	Distance 1
16:45-17:15	00:30	Rehat/ Asar
17:15-18:30	01:15	Distance 2
10 MEI 2025 (SABTU)		
Pusingan Penyingkiran : Recurve & Compound Bawah 20 Tahun		
08:30-09:00	00:30	Recurve Men & Compound Women Warmup
09:00-09:30	00:30	1/8: RM, CW warmup
09:30-10:00	00:30	1/8: RM, CW
10:00-10:30	00:30	1/8: RW, CM warmup
10:30-11:00	00:30	1/8: RW, CM
11:00-11:30	00:30	1/4: RM, RW, CM, CW
11:30-12:00	00:30	1/2: RM, RW, CM, CW
12:00-12:30	00:30	BRONZE : RM, RW, CM, CW
12:30-13:00	00:30	GOLD : RM, RW, CM, CW
Pusingan Kelayakan : Recurve Bawah 12 & 15 Tahun		
14:00-14:30	00:30	Pendaftaran & Pemeriksaan Peralatan
14:30-15:00	00:30	Recurve Bawah 12 & 15 Tahun Warmup
15:00-16:30	01:30	Distance 1
16:30-17:00	00:30	Rehat / Asar
17:00-18:30	01:30	Distance 2
11 MEI 2025 (AHAD)		
Pusingan Kelayakan : Recurve Bawah 12 & 15 Tahun		
08:30-09:00	00:30	Recurve Bawah 12 & 15 Tahun Warmup
09:00-10:30	01:30	Distance 3
10:30-10:45	00:15	Rest
10:45-12:15	01:30	Distance 4
13:00	00:30	Penyampaian Hadiah & Penutup

LAKARAN VENUE PERTANDINGAN

